

UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA / EKONOMI

## SIARAN MEDIA

### MyCC LANCARKAN E-LEARNING 2.0 UNTUK SEMUA

**KUALA LUMPUR, 24 JULAI** - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) menandakan satu lagi pencapaian yang signifikan dengan menganjurkan Persidangan Asia Timur bagi Undang-undang dan Dasar Persaingan Ke-16 (EAC) dan melancarkan platform inovatif MyCC E-Learning 2.0 yang memberi peluang kepada semua untuk mempelajari undang-undang persaingan.

YB Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), secara rasminya melancarkan platform MyCC E-Learning 2.0 pada majlis tersebut. Platform e-pembelajaran berevolusi ini membolehkan pengguna untuk mengambil bahagian dalam persekitaran metaverse dan komuniti pembelajaran bercirikan gamifikasi. Platform ini menampilkan empat modul komprehensif merangkumi pelbagai aspek undang-undang persaingan, yang direka untuk meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman pihak berkepentingan di seluruh Malaysia dan juga mana-mana pihak di seluruh dunia.

"MyCC E-Learning 2.0 adalah medium yang sangat diperlukan untuk pengguna, pengamal undang-undang, perusahaan-perusahaan, agensi-agensi kerajaan, ahli akademik dan pelajar. Menyedari peranan penting undang-undang Persaingan dalam memastikan kestabilan ekonomi, inisiatif ini menunjukkan kepentingannya dalam memacu pembangunan ekonomi serantau. Saya menggalakkan semua rakyat Malaysia untuk melayari platform secara percuma untuk meningkatkan pemahaman mereka tentang undang-undang persaingan, yang bertujuan untuk melindungi proses persaingan untuk manfaat semua," kata YB Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh.

Encik Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif, MyCC, menekankan, "kartel adalah satu bentuk kejahatan tertinggi dalam perundangan persaingan. MyCC E-Learning 2.0 merupakan platform yang padat dengan informasi, menggunakan pendekatan yang mampu menarik minat sesiapa yang ingin mempelajari undang-undang persaingan. Ilmu ini adalah penting kepada individu dalam memahami hak mereka dan mencegah



**UNTUK SIARAN SEGERA**  
**MEJA BERITA / EKONOMI**

tingkah laku antipersaingan serta menggalakkan persaingan yang sihat di dalam semua aktiviti perniagaan."

Kedua-dua acara ini telah berlangsung di Sofitel Kuala Lumpur Damansara dihadiri oleh 200 peserta antarabangsa dari Australia, Brunei, Kemboja, China, Chinese Taipei, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Laos, Mongolia, Filipina, Korea Selatan, Singapura, Thailand dan Vietnam. Persidangan ini mengumpulkan pegawai kerajaan, pakar undang-undang, ahli ekonomi, profesional kewangan, ahli akademik dan pelajar untuk mengupas dan membincangkan tentang undang-undang persaingan dan kesannya terhadap pelbagai landskap ekonomi dan undang-undang.

Persidangan separuh hari itu turut menampilkan barisan moderator dan ahli panel terkemuka antaranya dari Malaysia, Australia, Singapura, Filipina dan Jepun. Perbincangan panel mengupas topik-topik utama seperti peranan undang-undang persaingan dalam mengurangkan kos sara hidup dengan memastikan amalan yang sihat dalam pasaran dan mencegah monopoli; menguruskan penggabungan dan pengambilalihan semasa krisis ekonomi, memberi tumpuan kepada mengekalkan persaingan dalam pasaran dan menangani cabaran berkaitan; serta perubahan dan trend terkini dalam undang-undang persaingan global, termasuk peraturan baharu, kes-kes penting dan bagaimana sesebuah negara menyesuaikan dasar mereka dalam mendepani cabaran semasa.

-tamat-



UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA / EKONOMI

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Bahagian Polisi dan Komunikasi

Telefon Bimbit: +6019 269 6037

Emel: [pcd@mycc.gov.my](mailto:pcd@mycc.gov.my)

### **Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada April 2011 melalui Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (Akta 712), yang dilaksanakan untuk melindungi proses persaingan yang seterusnya akan merangsang produktiviti, keusahawanan yang berterusan dan inovasi dalam kalangan perusahaan, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta 712 ini terpakai kepada semua aktiviti perdagangan yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang memberi kesan kepada persaingan dalam pasaran Malaysia. Ia menyediakan kerangka pengawalseliaan termasuk kuasa untuk menyiasat, menghakimi, dan mengenakan hukuman kepada pelaku-pelaku yang melanggar undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-13 pada 1 April 2024 dan sehingga kini, MyCC telah mengambil tindakan tegas terhadap hampir 500 syarikat berkaitan dengan kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan yang telah dengan jumlah keseluruhan penalti kewanganyang telah dikenakan melebihi RM570 juta. Keutamaan semasa MyCC adalah termasukmeminda Akta untuk memperkenalkan rejim kawalan penggabungan, menumpukan usaha kepada kartel tipuan bida, kartel dalam sektor makanan dan pertanian, serta menangani cabaran yang dihadapi oleh perundangan dan dasar persaingan berikutan ekonomi digital.

Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC, sila layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).